

22 JUN 1996

KERAJAAN GUNA K3P SEBAR MAKLUMAT PINDAAN UNDANG-UNDANG SABAH

KOTA KINABALU, 22 Jun (Bernama) -- Kementerian Penerangan akan menggunakan Program K3P (Kumpulan Pembaca, Penonton dan Pendengar) di 27 stesen di Sabah bagi menyebarkan maklumat mengenai pindaan lima undang-undang Sabah yang diluluskan Dewan Undangan Negeri baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen kementerian itu, Datuk Shafie Apdal hari ini berkata langkah itu bagi mematahkan usaha pihak tertentu yang cuba memutar-belitkan isu pindaan itu kononnya kerajaan pusat mahu mengambil kuasa kerajaan negeri.

"K3P boleh dijadikan jentera untuk memperjelaskan bahawa pindaan ini sebenarnya bagi memastikan kerjasama dan keputusan secara kolektif di kalangan pemimpin di Sabah," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan K3P di sini.

Katanya Kerajaan Persekutuan tidak terlintas untuk mengambil kuasa negeri sebaliknya yang lebih penting ialah pembangunan dapat dinikmati oleh rakyat.

Lima pindaan undang-undang yang diluluskan itu ialah Ordinan Tanah (Bab 68), Enakmen Perhutanan 1968, Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966, dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963.

Shafie juga berkata mesyuarat itu juga memutuskan bahawa Konvensyen K3P peringkat kebangsaan tahun ini akan diadakan pada awal September dan akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Konvensyen peringkat Sabah pula akan diadakan pada hujung September dan dirasmikan oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee. --BERNAMA

KG NAK